

Peniaga berintegriti dapat ketenangan jiwa, masyarakat nikmati keberkatan



Oleh Mejar Prof Madya Dr Mohd Adib Abd Muin dan Dr Azizah Che Omar bhagama@bh.com.my

Dalam dunia perniagaan kini yang semakin kompetitif dan berorientasikan keuntungan, nilai amanah dan kejujuran sering berhadapan dengan cabaran besar.

Tekanan kos, persaingan harga dan kehendak pasaran kadangkala mendorong sebahagian peniaga mengabaikan prinsip etika demi keuntungan segera.

Hakikatnya, dalam Islam, perniagaan bukan sekadar aktiviti ekonomi, sebaliknya satu amanah dan ibadah akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT kelak.

Islam meletakkan asas perniagaan kukuh melalui nilai amanah, kejujuran dan keadilan. Rasulullah SAW adalah contoh terbaik seorang peniaga berintegriti sehingga digelar al-Amin.

Baginda SAW bersabda bermaksud: "Peniaga jujur dan amanah akan bersama nabi, orang siddiqin dan syuhada' pada hari kiamat". (HR Tirmizi)

Hadis ini jelas menunjukkan Islam mengangkat kedudukan peniaga berpegang teguh kepada kejujuran dan amanah ke darjat tinggi di sisi Allah SWT.

Ini membuktikan kejayaan perniagaan menurut Islam tidak hanya dinilai berdasarkan keuntungan semata-mata, akan tetapi akhlak dan etika diamalkan lebih utama.

Amanah dalam urusan niaga merangkumi pelbagai aspek, termasuk kejujuran menetapkan harga, ketelusan maklumat produk, timbangan adil serta menunaikan janji kepada pelanggan.

Namun, realitinya masih terdapat peniaga mengurangkan sukatan dan timbangan, menyembunyikan kecacatan barangan, memanipulasi harga serta membuat iklan mengelirukan.

Perbuatan sebegini bukan sahaja menzalimi pengguna, malah mengundang kemurkaan Allah SWT. Sebagai contoh mudah, amalan amanah dan jujur boleh dilihat dalam perniagaan buah durian menjadi kegemaran masyarakat kini.

Peniaga berintegriti akan memaklumkan dengan

jenis durian dijual, sama ada Musang King, Duri Hitam, D24 atau kampung, tahap kematangan buah serta keadaan isinya.

Namun, terdapat segelintir peniaga mencampurkan durian berkualiti rendah dengan durian premium, menjual buah mentah sebagai durian masak atau enggan menggantikan durian rosak selepas dibuka.

Kesan keharmonian sosial, keadilan ekonomi

Perbuatan sedemikian bukan sahaja mengecewakan pelanggan, malah mencerminkan sikap tidak amanah dilarang dalam Islam. Sebaliknya, peniaga durian jujur, sanggup menggantikan buah rosak dan berterus terang kualiti barangan, lazimnya mendapat kepercayaan pelanggan dan perniagaan mereka lebih berkat serta berpanjangan.

Al-Quran dengan tegas memberi peringatan kepada peniaga supaya berlaku adil dan jujur dalam jual beli. Firman Allah SWT bermaksud: "Kecelakaan besar bagi orang-orang curang, iaitu mereka apabila menerima sukatan daripada orang lain mereka mengambil dengan cukup, tetapi apabila mereka menyukai atau menimbang untuk orang lain, mereka menguranginya". (Surah al-Mutaffifin, ayat 1-3)

Selain itu, Allah SWT juga berfirman bermaksud: "Dan sempurnakan sukatan dan timbangan dengan adil". (Surah al-An'am, ayat 152).

Ayat ini jelas menunjukkan kepada kita ketidakjuju-

Amanah dalam urusan niaga merangkumi pelbagai aspek, termasuk kejujuran menetapkan harga, ketelusan maklumat produk, timbangan adil serta menunaikan janji kepada pelanggan

ran dalam perniagaan bukan isu kecil, sebaliknya satu dosa besar memberi kesan kepada keharmonian sosial dan keadilan ekonomi. Ia sangat merugikan peniaga di dunia dan akhirat jika culas.

Dalam konteks perniagaan masa kini, khususnya perniagaan digital dan dalam talian, nilai amanah dan kejujuran menjadi lebih kritikal. Pengguna tidak berpeluang melihat produk secara fizikal dan bergantung sepenuhnya kepada maklumat diberikan peniaga.

Justeru, sebarang bentuk penipuan, maklumat palsu atau manipulasi ulasan boleh merosakkan kepercayaan awam dan mencemarkan imej perniagaan Islam.

Rasulullah SAW memberi amaran keras terhadap penipuan dalam perniagaan. Baginda SAW bersabda bermaksud: "Sesiapa menipu, maka dia bukan daripada kalangan kami". (HR Muslim)

Hadis ini menegaskan penipuan dalam urusan niaga adalah perbuatan bertentangan dengan nilai Islam dan boleh menjejaskan identiti seorang Muslim.

Ironinya, pengalaman dan kajian menunjukkan peniaga berpegang kepada prinsip amanah dan jujur lebih berdaya tahan dan mendapat kepercayaan jangka panjang pelanggan.

Kepercayaan ini aset paling bernilai dalam dunia perniagaan. Perniagaan diberkati bukan hanya diukur melalui jumlah keuntungan, tetapi melalui ketenangan jiwa, keberkatan rezeki dan manfaat dirasakan masyarakat.

Oleh itu, peniaga Muslim khususnya perlu kembali menjadikan amanah dan kejujuran sebagai teras utama dalam setiap urusan niaga. Pihak berkuasa, institusi pendidikan serta badan agama wajar memainkan peranan berterusan dalam mendidik masyarakat supaya budaya perniagaan berintegriti dapat diperkukuh demi kesejahteraan bersama.

Kesimpulannya, amanah dan jujur bukan sekadar pilihan, tetapi kewajiban dalam perniagaan menurut Islam. Firman Allah SWT bermaksud: "Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya". (Surah al-Nisa', ayat 58)

Peniaga yang benar-benar berjaya ialah mereka yang bukan sahaja memperoleh keuntungan di dunia, tetapi juga menjadikan urusan niaganya sebagai jalan meraih keredaan dan keberkatan Allah SWT serta keselamatan di akhirat.



Mohd Adib ialah Pensyarah Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), manakala Azizah pula Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia

